

## **Pengemis Jalanan**

Aisyah Farhana Che Awang

Mataku liar memandang ke arah sekeliling. Cuaca panas, di tambah pula dengan keadaan yang sesak dengan orang ramai benar-benar menggugat kesalahanku. Betapa aku benci menunggu namun apabila mengenangkan rakanku yang bijak berceloteh itu, aku membatalkan niat untuk beredar. Tiba-tiba mataku tertancap pada satu sudut, di mana seorang kanak-kanak perempuan atau lebih tepat lagi seorang pengemis cilik dihalau keluar dari sebuah premis berdekatan. Ya Tuhan, betapa sakitnya dadaku ini melihatnya, sekaligus membawaku ke kenangan lalu, kenangan yang terlalu perit untuk diingat. Tanganku meraba-raba parut di dahiku, lalu kenangan lama menjelma.

Seperti biasa, awal-awal pagi lagi aku serta beberapa orang rakanku dipakaikan baju compang-camping serta berbau, persis seorang pengemis. Aku sendiri tidak tahu siapakah orang yang kami panggil ayah itu. Tinggi, berkulit gelap, bermisai serta bermuka bengis cukup membuatkan kami kecut perut dan tidak berani mengingkari arahannya. Pedih perutku menahan lapar semenjak semalam namun untuk meminta, aku tidak akan sesekali melakukannya. Cukuplah sekali aku dipukul kerana meminta perut diisi. Kami dihantar ke pusat bandar, seperti hari sebelumnya. Di sinilah tempat kami membesar, iaitu di tepi-tepi jalan, lorong-lorong

sempit dan brbau, mengharapkan belas kasihan orang ramai untuk menghulurkan wang dan makanan.

Lenguh kakiku berjalan ditambah pula dengan tekak yang kehausan. Nasibku agak baik pada hari ini kerana diberi makanan oleh seorang peniaga, mungkin kerana wajah comelku ditambah pula dengan mata kecoklatan yang aku sendiri tidak pasti dari mana aku mewarisinya. Kadang kala aku sebak melihat anak-anak kecil dipimpin ibu baoanya, berpakaian cantik serta berwajah riang berbanding diriku yang tidak tahu asal keturunannya. Aku sendiri sudah lupa bagaimana aku boleh berada di rumah ayah. Kerja mengemis ini sudah lama kulakukan, semenjak aku kecil lagi. Seringkali aku diterjah dengan soalan-soalan yang menyakitkan namun aku hanya mampu mendiamkan diri, seperti yang diarahkan ayah. Aku masih ingat, teruk aku dibelasah oleh ayah apabila melihat aku berbual dengan seorang lelaki yang bertanyakan tentang diriku. Parut di dahikulah buktinya, dan keperitannya masih terasa hingga kini.

”Siapa nama?” Tanya seorang wanita yang layak kupanggil ibu. Wajah penuh keibuan dan nada suaranya benar-benar menggamit perasaanku yang sebenarnya dahagakan kasih sayang seorang ibu.

”Anis.” Jawabku perlahan.

”Oh Anis, Anis tinggal di mana? Mana keluarga Anis?”

Aku hanya menggelengkan kepala tanda tidak ingin meneruskan perbualan walaupun hatiku merontar-ronta ingin berbual dengannya. Aku menghulurkan bekas

plastik, minta diisi dengan wang dan terus berlalu apabila dia menghulurkan sekeping not berwarna merah. Aku khuatir, kejadian lalu berulang kembali memandangkan ayah serta rakan-rakannya sering memerhatikan kami dari jauh, bimbang kami melarikan diri.

Pendapatanku pada hari itu agak lumayan dan ayah nampak begitu gembira dengan pendapatanku. Nampak gayanya, 'mood'nya begitu baik malam ini. SyukurAlhamdulillah aku tidak sanggup menghadapi kemarahannya lagi, cukup menakutkan. Dalam perjalanan menuju ke van untuk pulang, beberapa buah kereta polis dan sebuah van putih menyekat perjalanan kami. Aku bingung melihat situasi tersebut, ditambah pula dengan wajah terkejut dan cuak ayah serta rakan-rakannya. Pihak polis keluar dari kereta peronda dan mengepung kami. Tiba-tiba ayah menarik lenganku dan mengacukan pisau di leherku. Betapa gementarnya aku pada ketika itu, terasa peih kulitku sedikit terhiris barangkali. Aku kini dijadikan tebusan oleh orang yang kuanggap bapaku sendiri. Pihak polis cuba berunding dan menenangkannya namun ayah nampak begitu tegar dengan keputusannya, iaitu untuk mengelar leherku sekiranya permintaannya tidak dipenuhi. Agak lama ia berlanjutan dan aku semakin sakit dan lemah akibat rontaan untuk melepaskan diri. Di sebalik kekalutan tersebut tiba-tiba terdengar beberapa das tembakan dilepaskan dan salah satunya tepat mengena pada kepala ayah. 'Ya Alllah', hanya itu yang mampu aku ucapkan sebelum jatuh terkulai di sisi ayah.

Sebelum itu, aku sempat menangkap wajah wanita yang kutemui pada siang tadi di sebalik kekecohan tersebut. Apabila aku mencelikkan mata, aku mendapati diriku berada dalam sebuah bilik besar dipenuhi dengan beberapa orang kanak-kanak sebayaku. Wanita itu turut berada di sisiku apabila aku tersedar. Aku hanya mendiamkan diri, bingung dengan keadaan yang berlaku dan masih terkejut dengan insiden yang berlaku. Sedikit demi sedikit kejadian itu berlegar-legar di ingatanku. Aku teresak-esak mengenangkan betapa gerunnya aku apabila leherku diacu dengan pisau dan ayah, bagaimana ayah ditembak tepat pada bahagian kepalanya. Wanita itu memelukku dan cuba menenangkanku. Ternyata pelukan itu berupaya menenangkanku dan kau benar-benar rasa dilindungi. Setelah beberapa ketika, tangisanku semakin reda, termakan pujukan wanita yang menggelarkan umi itu.

”Ayah?” Aku bertanya perlahan.

”Ayah dah takde Anis, Anis sekarang tinggal dengan umi ya? Di sini ramai kawan-kawan Anis.”

Aku hanya mengangguk kecil dan kami akhirnya bercerita tentang perkara yang sebenarnya. Rupa-rupanya ayah merupakan dalang bagi sindiket yang melibatkan pengemis kanak-kanak. Setelah sekian lama ayah diburu, dia serta konco-konconya akhirnya tumpas di tangan pihak berkuasa. Van putih yang kulihat semalam ialah van Jabatan Kebajikan dan sosial. Aku juga dimaklumkan bahawa aku akan tinggal di Rumah Perlindungan Hidayah. Di sini, aku mendapat ramai rakan baru dan yang paling penting, aku turut pergi ke

sekolah, sesuatu yang aku tidak pernah rasai sebelum ini. Umi ternyata sangat baik dan penyayang. Wanita ini sudah kuanggap seperti ibu kandungku sendiri.

Kini, setelah hampir 20 tahun peristiwa itu, walaupun aku sudah meninggalkan rumah tersebut kira-kira 5 tahun yang lalu, aku tetap mengunjungi rumah tersebut. Rumah yang menjadi tempat aku berlindung, membesar bersama kanak-kanak lain di bawah jagaan umi yang penuh dengan sifat keibuan itu. Betapa aku rindu untuk berada di situ. Umi tidak akan sesekali aku lupakan. Wanita ini telah banyak berjasa kepadaku. Hingga kini, aku tidak pernah gagal untuk mengunjungi setiap minggu. Tanpanya, siapalah aku. Tanpanya aku bukan Anis Syahirah yang dikenali pada hari ini, Anis Syahirah, doktor muda yang gigih membela nasib anak-anak terbiar.

Lamunanku terhenti apabila bahunya ditepuk. Pantas aku menoleh. Rupa-rupanya Farha, teman rapatku itu. Dia meminta maaf berkali-kali atas kelewatannya kerana ada urusan yang perlu diselesaikannya sebelum bertemu denganku. Aku hanya tersenyum, tanda menerima alasannya itu. Aku kembali mencari kanak-kanak kecil itu. Kanak-kanak itu datang menghampiriku dan mata sayunya itu menerjah pandangan mataku. Bibirku tersenyum dan bibir mongel itu turut mengukirkan senyuman. Sayu dan hambar.